

ATM perlu dihormati

BH- 7/9/2006

Seri Paduka mahu pegawai tentera sentiasa bersiap sedia

Oleh Muzdalifah Mohd Mustapha

KUALA LUMPUR: Yang di-Per-tuan Agong Tuanku Syed Si-rajuddin Syed Putra Jamalul-lail bertitah Pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) perlu mempa-merkan ciri pegawai tentera yang sentiasa bersiap sedia dan profesional dalam menjalankan tugas supaya ATM sentiasa disegani dan dihormati.


Seri Paduka bertitah dalam menjalankan tugas secara profesional, agota tentera perlu memastikan sum-bangan yang diberikan mestilah cekap dan berkesan kepada masyarakat.

“Selain itu, mereka perlu menu-naikan tanggungjawab dengan pe-nuh komitmen dalam tradisi tentera yang unggul serta sanggup melaku-kan tugas walaupun dalam tekanan,” titah Seri Paduka pada Istiadat Per-barisan Tamat Latihan dan Pengur-niaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet Tentera, di Kem Sungai Besi, di sini, semalam.

Turut berangkat, Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Ab-dul Rashid serta Tengku Mahkota Johor, Tengku Ibrahim Ismail dan isteri, Raja Zarith Sofia.

Seramai 364 pegawai kadet yang tamat latihan dari Akademi Tentera Malaysia (Atma) dan Kolej Tentera Darat (KTD) menerima tauliah masing-masing daripada Yang di-Per-tuan Agong.

Turut ditauliahkan, anakanda Tengku Ibrahim, Tengku Idris yang berjaya menamatkan latihan keten-teraan dan pengajian akademik da-



TERIMA WATIKAH: Tuanku Syed Sirajuddin menyampaikan watikah tauliah kepada Tunku Idris pada Perbarisan dan Pengurniaan Watikah Tauliah di Akademi Tentera Malaysia, Sungai Besi, semalam.

lam Diploma Pengurusan Pegawai Kadet Tauliah Jangka Pendek.

Seri Paduka menegaskan, dalam menghadapi perubahan ilmu dan tek-nologi yang pesat, bentuk dan corak peperangan juga tidak terlepas ak-ibat perubahan itu.

“Oleh itu, pegawai ATM perlu me-ngamalkan konsep pembelajaran se-panjang hayat supaya sentiasa se-iring dengan perubahan semasa,” ti-tah baginda.

Bagi pegawai kadet Atma, mereka mendapat pentauliahkan sebagai Kap-ten, manakala kadet KTD ditauliah-kan sebagai Leftenan dan Leftenan Muda.

Sementara itu, Pegawai Rendah Kanan (PRK) Atma, Mohd Sharif Mo-hd Aris, dipilih sebagai Kadet Siswa Terbaik Keseluruhan dengan dianu-gerahkan sebilah pedang dan Piala Seri Perkaasa daripada Yang di-Per-tuan Agong.

Bagi Kadet Siswa Terbaik (KST) Tentera Darat disandang Pegawai Rendah Muda (PRM), Ibrahim Khalil Abd Halim yang juga memenangi Piala Gagah Setia.

Manakala untuk KST Tentera Laut diberikan kepada PRK Mohd Shah-rizal Abu yang dianugerahkan Piala Seri Samudera dan KST Tentera Uda-rawa pula dimiliki Pegawai Kadet Wong Chao Yan yang memenangi Piala Seri Angka.

BERNAMA